

Publication	Bernamea	Section/Page No.	Am
Date	Sabtu, 11 Februari 2023	Lead Article	
Headline	MTA Teruskan Siri Jelajah Karnival Rakyat Takaful Masuk Kampung di Kamunting		



TAIPING, 11 Feb (Bernama) -- Persatuan Takaful Malaysia (MTA) meneruskan siri jelajah penganjuran Karnival Rakyat Takaful Masuk Kampung di Taman Tasik Kamunting di sini hari ini.

Karnival keluarga berkonsep *edutainment* (gabungan hiburan dan pendidikan) itu diadakan bertitik tolak daripada penganjuran karnival berkenaan di Sungai Siput baru-baru ini yang menyaksikan penyertaan seramai 2,000 peserta dengan pelbagai penawaran produk komprehensif yang disediakan Takaful.

Ketua Pegawai Eksekutif MTA Mohd Radzuan Mohamed berkata karnival yang masuk tahun kedua penganjurannya tahun ini diadakan bertujuan memberi pendedahan, panduan dan pendidikan kepada masyarakat mengenai kepentingan merancang kewangan.

"Karnival Rakyat Takaful Masuk Kampung ini dapat membantu seseorang individu itu menjadi lebih cakna dalam bab kewangan peribadi merangkumi aspek pengurusan risiko kewangan, kemahiran kewangan praktikal serta membina tabung kecemasan.

"Melalui program ini juga, masyarakat akan didedahkan mengenai kepentingan jaringan keselamatan kewangan seperti perlindungan takaful yang merupakan satu instrumen sangat penting dalam pengurusan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada karnival berkenaan yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kamunting Mohamad Fakhruddin Abdul Aziz.

Mohd Radzuan berkata karnival itu juga secara tidak langsung dapat membantu masyarakat setempat memahami secara tepat keperluan memiliki perlindungan Takaful sebagai satu daripada instrumen kewangan yang dapat membantu ketika berada dalam situasi kecemasan dan memerlukan.

Selain Kamunting dan Sungai Siput di Perak, karnival itu turut diadakan di Selangor, Negeri Sembilan, Sarawak, Johor dan Terengganu dan dijangka berakhir pada Oktober nanti.

Karnival sehari itu disertai wakil pengendali Takaful terdiri daripada FWD Takaful Berhad, Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Takaful Ikhlas Am Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, AIA Public Takaful Berhad, Etiqa Takaful Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Zurich Malaysia dan Great Eastern Takaful Berhad serta wakil daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).